

# Penyedia media sosial kena jana perubahan positif: PM

> Facebook diajak kerjasama saring entri negatif

Oleh Al Zahrain Alias dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur**

**T**un Dr Mahathir Mohamad mengajak Facebook dan penyedia platform media sosial lain bekerjasama dengan kerajaan serta agensi penguat kuasa undang-undang bagi memastikan dunia media baharu itu kekal menjana perubahan positif, berbanding kesan negatif.

Perdana Menteri berkata, ruang kerjasama berupaya diteroika kedua-dua pihak terbabit, khususnya Facebook adalah pelaksanaan Laporan Penguatkuasaan Standard Komuniti.

Dr Mahathir berkata, walaupun wujud langkah penguatkuasaan terhadap kenyataan bagi menyuntik kebencian ketika ini, masih ada ancaman dalam bentuk kenyataan lain yang mampu menjejaskan keselamatan dan keharmonian negara.

"Kepelbagaian budaya dan tradisi di Malaysia menyebabkan setiap kenyataan dan entri di laman sosial berbaur kebencian mencetuskan kesan berbeza. Justeru, jika perkara ini tidak ditangani secara tuntas, ia mengundang impak negatif.



*Dr Mahathir diiringi Gobind melawat ruang kerja selepas merasmikcm pejabat Facebook Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.*

"Kita berperakui bahawa penyedia perkhidmatan media sosial melakukan pelbagai usaha menerusi penetapan automatik bagi menyaring sebarang entri tidak sesuai seperti kenyataan berbaur kebencian, keganasan dan pomografi kanak-kanak menggunakan Kandungan Dijana Pengguna (UGC).

#### **Pemantauan lebih meluas**

"Bagaimanapun, cabaran semasa ialah ke arah pemantauan lebih meluas menerusi UGS supaya bahan menyentuh sensitiviti agama, kenyataan politik, hasutan dan hak asasi manusia ditangani," katanya ketika menyampaikan ucapan pada majlis perasmian Facebook Malaysia, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Ko-

munikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo; Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Al-Ishsal Ishak; Naib Presiden Facebook Asia Pasifik, Dan Neary dan Pengarah Negara Facebook Malaysia, Nicole Tan.

Kerajaan, kata Dr Mahathir, berperakui Facebook dan penyedia perkhidmatan laman sosial lain menjalin kerjasama dengan Majlis Kawalan Telekomunikasi ASEAN berhubung keperluan menangani rangkaian ancaman 'alam maya'.

Sehubungan itu, beliau menyuarakan harapan supaya semua pihak berganding bahu bagi memastikan senarai larangan kandungan tidak sesuai di media sosial, diperluaskan dengan mencakupi jenis ancaman

baharu dan dipadam daripada tatapan umum.

#### **Kongsi teknologi terkini**

"Saya percaya inisiatif strategik terbaru Facebook, iaitu F8 dan *Fast Forward Together* (Memacu Bersama) dapat membantu Malaysia melakar kejayaan ke arah pembangunan ekonomi digital lebih mapan," katanya.

Seiring pelancaran 5G di Malaysia baru-baru ini, Perdana Menteri juga berharap Facebook bekerjasama dengan penggiat tempatan dan berkongsi teknologi terkini bagi memperkasa capaian internet, selain membantu pembangunan komuniti dalam mengawal isi kandungan yang mengundang risiko negatif terhadap masyarakat.